

HAMIL LUAR NIKAH DALAM KALANGAN REMAJA

(Pregnancy Out of Wedlock among Teenagers)

*Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir,
 Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin*

ABSTRAK

Keluarga merupakan pelindung utama dalam membina pembentukan sahsiah dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja. Remaja yang bertingkah laku negatif menunjukkan tidak ada perhubungan baik dengan keluarga. Ibu bapa kurang memberikan didikan rohani dan sosial yang sempurna kepada remaja sehingga mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial yang tidak terkawal. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau tingkah laku ibu bapa dan pengalaman remaja yang hamil luar nikah. Reka bentuk kualitatif digunakan dalam meneroka pengalaman remaja dan ibu bapa mereka secara temu bual mendalam. Sampel kajian adalah seramai 6 responden yang melibatkan remaja yang hamil luar nikah tinggal di Taman Seri Puteri, Cheras. Temu bual telah dirakam, dilaporkan secara verbatim, disusun dan ditafsirkan serta merta selepas kajian lapangan. Tema utama diperoleh daripada analisis dan maklumat persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja yang hamil luar nikah tidak mempunyai perapatan dengan ibu bapa mereka dan mendorong remaja terlibat dalam aktiviti seksual yang tidak sihat. Persekitaran tempat tinggal, pengaruh rakan sebaya dan pendedahan mengenai aktiviti seksual secara berleluasa dalam jaringan web (internet) juga mempengaruhi remaja sehingga terjebak dalam hamil luar nikah. Pemantauan ibu bapa dan pihak sekolah secara berterusan boleh membantu remaja dalam mengurangkan kes remaja yang hamil luar nikah.

Kata kunci: *Hamil luar nikah, salah laku seksual, remaja kefungsian keluarga*

ABSTRACT

Family plays a key role in the character building and psychological well-being among teenagers. Teenagers with negative behaviour show that they do not have good relationship with their family. The insufficient spiritual and social guidance provided by their parents leads them to various uncontrolled social problems. The main purpose of this research is to look at the behaviour and experience of teenagers who become pregnant out of wedlock. Qualitative design was used in exploring the experience of teenagers and their parents through in-depth interview. The sample involved a total of 6 respondents consisting of teenagers who experienced out of wedlock pregnancy from Taman Seri Puteri Cheras. The interviews were recorded, reported verbatim, compiled and interpreted immediately after the field survey. Major themes were derived from the analysis and information obtained from the research questions. This study indicated that teenagers who become pregnant out of wedlock does not have close relationship on their parents and spend time with their own which leads up to unhealthy sexual activity. Living environment, peer influence and exposure of widespread sexual activity in the web (internet) have a bad influence on them leading them to pregnancy out of wedlock. On-going supervision by parents and schools can help in reducing the number of out of wedlock pregnancies among teenagers.

Keywords: *wedlock pregnancy, sexual misconduct, family function*

PENGENALAN

Perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2000 hingga Julai 2008 mencatatkan lebih 257,000 sijil kelahiran didaftarkan tanpa catatan nama bapa. Ini bermakna secara purata 2,500 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan atau hampir 84 kes setiap hari. Pecahan kes kelahiran luar nikah mengikut negeri antara tahun 2000 hingga 2008 menunjukkan 70,430 anak luar nikah didaftarkan. Selangor mencatatkan bilangan paling tinggi iaitu 12,836 orang bayi. Ini diikuti Perak (9,788), Kuala Lumpur (9,439), Sabah (8,435), Negeri Sembilan (4,108) berbanding Sarawak (617) manakala Terengganu 574 orang saja. Pendaftaran mengikut etnik pula menunjukkan Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak paling tinggi iaitu 20,949 orang bayi, India 19,581 dan Cina 18,111. Pecahan mengikut agama adalah 30,978 Islam, 18,085 Hindu, 17,236 Buddha dan Kristian 3,395 orang (Portal berita UKM, Jun 2010).

Takrif hamil luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin di mana kewujudan hubungan seks di antara dua pasangan yang tidak mempunyai pertalian nikah yang sah. Remaja hamil luar nikah tergolong umur di antara 13 hingga 18 tahun. Menurut Unicef (2008) mendapati remaja yang tergolong dalam hamil luar nikah terdiri daripada umur 13 hingga 19 tahun. Fenomena ini amat membimbangkan individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam membina negara bangsa beretika dan rakyat yang mempunyai jati diri. Fenomena ini tidak selari dengan cabaran keempat yang digariskan dalam mencapai Wawasan 2020 bagi mewujudkan masyarakat bermoral, beretika, warganegara yang kukuh nilai agama dan kejiwaan serta mempunyai etika paling tinggi (Nazri Muslim & Nasruddin Yunus, 2006). Malaysia memerlukan rakyat yang bermoral tinggi dan berakhhlak terpuji bagi menghadapi globalisasi dan bersaing dalam pasaran global. Bagi mencapai hasrat kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia mengorak langkah membawa pelajar ke arah pembentukan insan bertanggungjawab dalam merealisasikan wawasan 2020 (Jamaludin Ahmad & Sidek Mohd Noah, 2001). Dalam keghairahan menuju negara maju, tanpa disedari ramai remaja yang tercicir dalam arus pendidikan. Keciciran dalam arus pendidikan boleh menjerumuskan pelajar dalam pelbagai masalah sosial antaranya ialah aktiviti salah laku seksual atau hamil luar nikah.

Manakala pemantauan dan penglibatan ibu bapa dalam memotivasi pelajar dalam pendidikan juga tidak diberi perhatian yang serius. Bahkan keluarga juga merupakan punca remaja terlibat dalam salah laku seksual sehingga hamil luar nikah (Rumberger, 1991). Kestabilan keluarga sukar dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang membina kesejahteraan keluarga. Modernisasi dan kesibukan dalam menjana kewangan keluarga boleh menjelaskan hubungan sesama ahli keluarga sehingga boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga sehingga keluarga itu tidak sejahtera. Ahli keluarga merupakan elemen yang penting dalam menjaga kestabilan keluarga tersebut. Walau bagaimanapun kestabilan keluarga ini sukar dikekalkan dalam tempoh masa yang panjang. Ini kerana, faktor kesibukan dan kemodenan sedikit sebanyak menjelaskan hubungan sesama ahli dalam keluarga sehingga menjadikan keluarga itu tidak sejahtera. Ahli keluarga lebih mementingkan materialistik berbanding dengan hubungan kekeluargaan yang lebih penting dalam mencapai objektif kehidupan sesebuah keluarga (Selvaratnam, Nor Aini & Norlaila 2010).

Pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor penting remaja terjerumus dalam kes hamil luar nikah. Pada usia awal remaja, mereka mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam pembinaan keperibadian diri dan pencarian identiti diri. Malangnya, pertemuan dengan rakan sebaya yang bermasalah dan suka melakukan aktiviti negatif mengajak remaja melakukan perkara di luar batasan keagamaan dan norma masyarakat. Misalnya berkunjung ke diskò, pusat hiburan, pengambilan dadah dan melalukan seks bebas. Permulaan dengan aktiviti bebas boleh menjerumuskan remaja hamil luar nikah sehingga terpaksa membuang bayi mereka. Menurut Hashim et al. (2008), remaja yang mengandung luar nikah terpaksa membuang bayi kerana terdesak, rasa malu, takut bagi mengelakkan rahsia mereka terbongkar daripada pengetahuan ibu bapa dan masyarakat. Remaja juga takut akan diambil tindakan undang-undang terhadap mereka menyebabkan fikiran buntu dan terus ambil langkah mengugurkan atau membuang bayi yang dilahirkan.

Media massa juga boleh mempengaruhi remaja dalam melakukan aktiviti salah laku seksual. Pengaruh media massa yang tiada sempadan misalnya internet membantu remaja memudahkan mereka melayari alam siber yang tidak sepatutnya. Perasaan ingin tahu dalam golongan remaja menyebabkan mereka mudah terlibat dalam aktiviti hamil luar nikah kerana tidak tahu masalah yang perlu dihadapi di masa depan. Mereka seronok melayan cinta sehingga terlanjur melakukan seks (Rafidah, 2001). Punca peningkatan jumlah remaja yang hamil luar nikah dan pembuangan bayi disebabkan kecanggihan teknologi di mana bahan lucah dalam internet boleh dicapai dan mudah untuk disebarluaskan (Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 2010). Berdasarkan statistik dan pelbagai telah membuktikan punca remaja terjerumus dalam fenomena hamil luar nikah. Oleh demikian, kajian ini meneroka pengalaman remaja yang melalui hamil luar nikah dan sejahteranakah perhubungan remaja dengan ibu bapa dalam menghadapi masalah hamil luar nikah.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman remaja hamil luar nikah yang tinggal dalam institusi sehingga lahir bayi mereka dan memahami perhubungan remaja hamil luar nikah dengan ibu bapa mereka dalam krisis penjagaan anak remaja.

KAEDAH KAJIAN

Pendekatan kualitatif dipilih untuk menjawab persoalan kajian berlandaskan latar belakang subjek kajian, yang sukarela sedia berkongsi pengalaman mereka, dipilih secara pemilihan bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan. Tema yang menjelaskan (*emergent*) dalam data kajian mempunyai banyak maklumat yang terselindung terutamanya tentang masalah hamil luar nikah dalam kalangan remaja. Seramai 6 remaja telah ditemui buah sesuai dengan kriteria pemilihan responden yang tergolong dalam kalangan awal remaja terdiri daripada yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun. Lokasi kajian dijalankan di Taman Seri Puteri Cheras dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Analisis kajian yang digunakan adalah proses menyusun data untuk ditafsirkan. Menyusun data bererti mengumpulkan dalam pola, tema dan kategori untuk memahami makna sesuatu fenomena. Interpretasi data yang digunakan untuk menggambarkan perspektif atau pandangan pengkaji, bukan untuk mencari kebenaran. Beberapa strategi dalam kajian kualitatif untuk kesahan dalaman data yang boleh digunakan iaitu:

memanjangkan masa penyelidikan, triangulasi, semakan kembali dengan responden (*member checks*), pengamatan jangka masa lama dan penilaian pakar. Kesemua strategi ini adalah untuk mengurangkan pengaruh atau bias pengkaji.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden dan Ibu bapa

Keseluruhan responden berumur antara 13 hingga 17 tahun. Majoriti responden berbangsa Melayu dan hanya seorang sahaja yang berbangsa India berumur 15 tahun berpendidikan sehingga darjah lima sahaja. Seorang responden Melayu juga mempunyai pendidikan sehingga darjah 6, 2 responden dapat menamatkan tingkatan dua dan dua orang lagi tingkatan tiga. Responden A telah berhenti sekolah dalam usia 13 tahun, mengandung 6 bulan ketika temu bual dijalankan dan bercadang untuk meneruskan pengajian selepas melahirkan anak. Responden C pula berbangsa India berumur 15 tahun tidak berminat untuk meneruskan pendidikan. Beliau menyatakan bahawa tidak pandai membaca, jadi malas untuk bersekolah. Reaksi responden F pula mendapati bahawa minat untuk belajar luntur apabila keperluan untuk mencari kewangan bagi membantu ibu menambah pendapatan keluarga menjadi keutamaan berbanding bersekolah. Bilangan adik beradik yang ramai iaitu 10 orang ahli keluarga di mana responden merupakan anak yang ke 6. Bilangan ahli keluarga yang ramai juga merupakan punca remaja mencari kasih sayang di luar rumah kerana mereka kurang mendapat perhatian dan dipinggirkan (Zarinah et al., 2002). Perbandingan antara bandar dan luar bandar menunjukkan bahawa responden A, C dan E tinggal di kawasan bandar seperti Shah Alam, Ampang dan Setapak. Manakala responden B, D dan F tinggal di Maran, Segamat dan Jelebu.

Latar belakang keluarga responden menunjukkan bahawa responden B dan E tinggal bersama keluarga tiri. Responden B menyatakan bahawa ibu kandung meninggal dunia semasa beliau berumur 10 tahun. Begitu juga dengan responden D menceritakan bahawa beliau tinggal dengan ayah tiri setelah kematian ayah kandung sejak umur beliau dua tahun. Kedua-dua remaja tidak mempunyai perapatan dengan ahli keluarga menyebabkan mereka mencari kasih sayang di luar rumah yang menyebabkan mereka terjebak dalam salah laku seksual. Sebalik responden F menyatakan bahawa ibu bapa beliau telah bercerai sejak tujuh tahun yang lalu semasa berumur 11 tahun. Sejak menjadi ibu tunggal, ibunya terpaksa bekerja keras mencari nafkah untuk adik beradik yang ramai. Ibu beliau juga tidak dapat mengawal kesejahteraan keluarga kerana memikul pelbagai beban penjagaan bersendirian. Responden A dan C pula mempunyai ibu bapa tetapi sering pulang lewat malam dan kurang memberi perhatian terhadap keluarga.

Hubungan anak dan ibu bapa yang renggang menyebabkan remaja berani keluar dan melakukan aktiviti salah laku seksual. Keruntuhan moral juga dipengaruhi oleh cara gaya pengawasan dalam kalangan ibu bapa terhadap perubahan tingkah laku dalam kalangan remaja (Ummi Khaltum, 1995). Komunikasi dua arah amat berkesan dalam membendung aktiviti salah laku seksual di mana remaja menjadi rakan kepada ibu bapa (Hashim et al., 2008). Dalam situasi begini anak-anak lebih mempercayai ibu bapa berbanding rakan sebaya. Remaja juga akan menjadikan ibu bapa sebagai tempat rujukan jika berdepan dengan masalah. Luahan hati beberapa remaja hamil luar nikah mengatakan bahawa mereka tidak mendapat perhatian dan kasih sayang kerana ibu bapa sangat sibuk dengan tugas harian. Ibu bapa seharusnya menjadi

model bagi anak-anak, malah kesibukan dalam berkerjaya bukan halangan dalam memberikan kasih sayang dan perhatian yang cukup bagi mengawasi dan menjaga anak-anak remaja supaya tidak terjebak dalam aktiviti salah laku seksual. Responden D meluahkan perasaannya seperti berikut:

... tak cerita pun masalah kat maksaya hanya menangis... kalau saya cerita pun kat mak saudara sebab lebih rapat dengan dia....

Sebaliknya responden C dan E pula akan meluahkan segala perasaan mereka kepada kakak berbanding dengan ibu bapa. Pada pandangan mereka, ibu bapa kurang memberi perhatian dan sering tidak ada di rumah menyebabkan mereka tidak rapat dengan ibu bapa. Kesibukan dalam kerjaya ibu bapa menyebabkan mereka sering tidak berada di rumah. Hampir semua responden menyatakan bahawa ibu bapa tidak pernah meluangkan masa untuk membuat apa-apa aktiviti hujung minggu bersama anak-anak. Majoriti responden lebih kerap keluar bersama kawan-kawan berbanding keluarga sendiri.

Pengaruh rakan sebaya dan Internet

Masa terluang remaja lebih banyak bersama kawan-kawan menyebabkan mereka banyak terpengaruh dengan salah laku seksual dalam kalangan remaja. Pertemuan rakan-rakan yang mempunyai latar belakang masalah keluarga yang sama menyebabkan mereka cuba mencari kelainan dalam aktiviti harian. Hampir kesemua responden mendapat pengetahuan seks melalui rakan sebaya semasa melangkah ke tingkatan satu. Responden E menyatakan bahawa:

... saya mengetahui mengenai seks masa form 1 la ...sebelum tu tak lagi ...masuk sekolah menengah startlah...

Sebaliknya responden A pula menyatakan bahawa rakan sebaya juga sering bercerita dan bertukar pandangan mengenai aktiviti seks yang menyebabkan responden ingin tahu perkara tersebut. Manakala bagi responden B dan responden C pula adalah seperti berikut:

... ada juga kadang main tukar CD dengan kawan ... kawan beli CD seks dan tukar-tukar dengan saya.

Sejak umur 12 tahun, saya mula kenal kawan-kawan... keluar bersama ... mereka ajak tengok video semua...mula masuk menengah lah ... duduk asrama ... ramai kawan bercerita benda tu lah.

Sebahagian responden juga menggunakan laman sesawang untuk akses gambar porno dan lain-lain bahan lucah. Kebanyakan remaja leka bersempang (chatting) di laman facebook, twiter, myspace dan sebagainya mengenai hubungan seksual dan bahan lucah. Menurut responden B bahawa:

... dapat dari internet ... akak buka kedai komputer...lepas tu saya selalu pergi dan search benda tu lah.

Sikap remaja yang menginginkan keseronokan dan kurang pengawasan dalam aktiviti mereka menyebabkan remaja lebih bebas dalam mengakses laman sesawang lucah dan sebagainya. Kematangan remaja juga masih kurang untuk menilai baik dan buruk sesuatu perkara menyebabkan mereka lebih terdedah kepada masalah salah laku seksual. Sternberg dan Barnes (1988) mencadangkan teori psikologi cinta. Keberahan adalah komponen motivasi dan rangsangan dalam hubungan. Dalam hubungan seksual ia melibatkan keinginan romantis, tarikan fizikal dan hubungan kelamin. Cinta remaja akan berakhir diperangkat pertama dan kedua iaitu berahi dan hubungan intim kerana peringkat ketiga adalah mengambil tanggungjawab dalam menjaga hubungan. Remaja tidak boleh mencapai ke peringkat seterusnya kerana belum boleh menjalankan komitmen penjagaan terhadap orang lain.

UNFPA Resource Kit: World Population Day 2008 mendapati bahawa punca hamil luar nikah dalam kalangan remaja di negara membangun antaranya adalah kurang pendidikan seks, perilaku seks remaja yang terpengaruh dengan dadah atau alkohol, tekanan rakan sebaya yang menceburi aktiviti seks bebas, penggunaan salah kontrasepsi, kemiskinan, rasa kendiri yang rendah, perselisihan faham dalam rumah atau keluarga, cita-cita pendidikan yang rendah dan sebagainya. Kajian Siti Salwani (2009) mendapati bahawa salah laku seksual yang dilakukan oleh 105 responden daripada 124 responden adalah disebabkan terpengaruh dengan pornografi. Selain itu, perasaan ingin tahu, paksaan atas dasar cinta terhadap pasangan, pelbagai bahan lucah dan sebagainya mendorong remaja terlibat aktiviti salah laku seksual. Manakala Mohammad dan Suria (2005) menyatakan bahawa remaja kurang maklumat mengenai risiko seks dan sering mencuba tanpa memikirkan impak kesihatan serta masa depan diri mereka.

Penekanan Agama dan Nilai Moral Keluarga

Pegangan agama dan nilai moral merupakan kompas kehidupan seseorang individu tua atau muda. Seseorang yang berpegang kepada agama akan memastikan baik dan buruk sesuatu perkara sebelum bertindak untuk melakukannya. Sebaliknya dalam kajian ini mendapati bahawa hampir semua responden tidak berpegang kepada agama sebagai landasan hidup. Majoriti responden yang ditemu bual mengabaikan solat, walaupun pesanan dan nasihat telah diberikan kepada ibu bapa bagi menjalani kehidupan harian. Apa yang lebih membimbangkan adalah ibu bapa tidak menghukum atau mengambil tindakan jika anak-anak tidak mahu mengerjakan sholat. Responden dan E menyatakan seperti berikut:

... mak ayah memang tegur bab agama... mereka jaga ... mereka marah lah kalau tak solat... tapi kalau tak buat... mak ayah tak marah, diam je... tak cakap apa pun.

... mak marah juga kalau tak solat, tapi banyak kali cakap... saya tak dengar... jadi mak tak ambil kisah pun.

Hubungan silaturahim antara ibu bapa dan remaja tidak berjalan dengan lancar menyebabkan arahan ibu bapa tidak diambil kira oleh remaja. Remaja tidak menghormati pandangan dan nasihat ibu bapa yang menyebabkan komunikasi tidak berkesan dalam kalangan remaja yang melakukan salah laku seksual. Sebaliknya komunikasi berkesan antara ibu bapa dan remaja akan menghasilkan tahap keyakinan diri yang tinggi, peningkatan pencapaian, afektif dan

kesihatan mental yang baik dalam kalangan remaja. Dalam suasana begini, remaja boleh menerima pandangan positif dan negatif dalam kalangan ibu bapa serta remaja juga boleh menyesuaikan diri dengan lebih mudah. Ibu bapa tidak boleh membiarkan awal remaja untuk menentukan jalan hidup mereka, seharusnya mereka dibimbing dan dipantau dengan penuh kasih sayang bagi mengelakkan diri remaja terlibat dengan aktiviti bercorak seksual sebelum remaja berkahwin.

Ibu bapa atau penjaga perlu berwibawa dan peka kepada perubahan tingkah laku dalam kalangan remaja. Mereka perlu diberi galakan, rangsangan dan bimbingan melalui pendekatan disiplin yang asertif dan tidak kasar. Ibu bapa juga perlu berinteraksi secara positif dan menyemai emosi yang bersesuaian bagi membantu remaja mengawal diri mengikut peraturan keluarga dan komuniti. Hart dan Hilton (1988) menyatakan bahawa kekurangan kasih sayang dan ikatan emosi dalam kalangan keluarga boleh meningkatkan kemungkinan kehamilan dalam kalangan remaja.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Keseluruhan responden mempunyai masalah perhubungan dengan ibu bapa di mana remaja lebih banyak bergaul dan menghabiskan masa bersama kawan-kawan berbanding ibu bapa. Lingkungan umur remaja ialah 13 hingga 17 tahun terlibat dalam hamil luar nikah. Pengaruh rakan sebaya yang menyebabkan mereka terlibat dalam hamil luar nikah. Rakan sebaya juga dijadikan tempat mengadu dan menghilangkan tekanan menggantikan ibu bapa. Persekutaran tempat tinggal remaja juga menyebabkan mereka mudah terjebak dalam aktiviti salah laku seksual. Hampir semua responden tinggal di kawasan flat perumahan PPR. Dari aspek gaya keibubapaan mendapati bahawa kurang pengawasan, kurang kawalan, aktiviti harian anak-anak amat bebas dan kurang mendidik anak dalam aspek keagamaan. Bahkan kesibukan ibu bapa dalam mengejar harta dunia, kurang komunikasi dengan anak-anak dan jarang berada di rumah serta kurang sokongan sosial merupakan antara punca kehamilan luar nikah.

Beberapa cadangan dapat dikemukakan melalui kajian ini untuk membantu pihak yang berkepentingan bagi menangani masalah hamil luar nikah semakin berleluasa dalam kalangan remaja adalah seperti berikut:

- i. Peranan ibu bapa - ibu bapa adalah tulang belakang dalam pembinaan keluarga yang sejahtera. Maka komunikasi adalah salah satu alat yang penting dalam memperbaiki hubungan yang renggang dalam keluarga. Pemantauan bagi setiap aktiviti remaja di mana ibu bapa mengambil tahu pergerakan anak-anak supaya dapat kenal pasti rakan sebaya mereka. Ibu bapa juga perlu mendidik anak daripada aspek keagamaan supaya mereka kenal baik buruk sesuatu perilaku, memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada anak-anak. Ibu bapa juga perlu meluangkan masa bersama anak-anak, keluar bersiar-siar atau berkelah sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan bagi merapatkan hubungan silaturahim dengan anak-anak.
- ii. Peranan remaja – pengaruh rakan sebaya merupakan faktor penting punca remaja terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat. Bagi generasi remaja kini, rakan sebaya merupakan rujukan utama dalam pembinaan sahsiah dan tingkah laku mereka. Remaja kini lebih

banyak berbincang mengenai permasalahan harian bersama rakan sebaya bukan dengan ibu bapa. Bahkan mereka menghadapi masalah untuk berkongsi masalah harian bersama ibu bapa kerana lompong generasi. Peruntukan masa kualiti bersama keluarga juga amat kurang kerana remaja kini lebih banyak menghabiskan masa dengan rakan sebaya berbanding dengan ibu bapa. Remaja perempuan sering merujuk rakan sebaya untuk mendapatkan pandangan dan bimbingan bagi penyelesaian masalah. Kesilapan dalam pemilihan rakan sebaya ini boleh membawa mereka ke arah perkara-perkara negatif misalnya ponteng sekolah, mencuri, merokok, melepak di pusat membeli belah sehingga boleh merosakkan sahsiah remaja tersebut. Maka pendedahan awal mengenai pemilihan rakan sebaya yang baik dan pemantauan ibu bapa mengenai rakan sebaya remaja adalah amat penting bagi mencegah remaja terdedah kepada aktiviti salah laku seksual.

- iii. Peranan komuniti - pergaulan bebas perlu ada pengawasan komuniti setempat. Komuniti tradisional Malaysia perlu diamalkan kembali di mana “ambil tahu” mengenai anak jiran adalah amat penting dalam meningkatkan sokongan sosial dalam membina generasi remaja yang sihat dan sejahtera. Konsep “ambil tahu” anak jiran bukan semata-mata menjaga tepi kain orang tetapi masing-masing komuniti setempat perlu mengawasi anak-anak supaya tidak terlibat dalam aktiviti salah laku seksual. Jika komuniti bandar dan luar bandar dapat mengamalkan konsep “ambil tahu anak jiran dalam aspek positif”, maka pelbagai masalah sosial dapat dikurangkan dan dicegah lebih awal. Komuniti setempat perlu mereka program kejiranan remaja yang selamat terutama dalam masyarakat bandar dan pinggir bandar.
- iv. Peranan Guru - guru kaunselor sekolah perlu mengambil tindakan segera berkaitan masalah salah laku seksual dalam kalangan remaja. Kementerian kesihatan dalam memberi penerangan tentang impak hamil luar nikah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah, bagaimana boleh mengelak daripada terjebak dalam aktiviti salah laku seks. Kerjasama dengan JAKIM boleh memberi penerangan daripada aspek agama dan sebagainya.
- v. Peranan Kementerian - JKMM perlu mengkaji semula Taman Seri Puteri Cheras agar perancangan program mengikut kesesuaian zaman dan perkembangan remaja masa kini. Program keusahawanan dan pendidikan kemahiran perlu diterapkan bagi membantu remaja yang telah tamat tempoh dapat menjalani kehidupan lebih bermakna.
- vi. Peranan Media - lebih banyak drama dan kuliah motivasi bagi ibu bapa dan remaja dalam menangani masalah krisis remaja dengan cara yang lebih berkesan. Dalam masyarakat yang sederhana status sosioekonomi, media massa elektronik atau cetak memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada masyarakat. Kempen yang berterusan dalam media ini dapat memberi pendedahan holistik kepada kalangan remaja dan ibu bapa mereka.

RUJUKAN

- Hart, B. & Hilton, I. 1988. Dimensions of personality organization as predictors of teenage pregnancy risk. *Journal of Personality Assessment*, 52(1), 116-132.
- Hashim, K. Mohd Fahmi Mohd Syed & Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor, 2008. Keruntuhan Ahlak dan Gejal Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000*. Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Jamaludin Ahmad & Sidek Mohd Noah 2001. Pendekatan Alternatif Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Program Maju Diri, Jabatan Pendidikan Selangor. *Jurnal PERKAMA*, . 9(22).
- Laporan Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, 2010.
- Mohammad Yaacob & Zuria Mahmud. 2005. Tingkah laku seks di kalangan remaja Melayu di Lembah Klang, Seminar Seksual Kebangsaan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nazri Muslim & Nasruddin Yunus, 2006. *Hubungan etnik*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Portal berita UKM, Jun 2010.
- Rafidah Hj Kastawi. 2001. Hubungan antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan yang dialami oleh Remaja Hamil tanpa Nikah. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Rumberger, R. 1991. Chicano dropouts: A review of research and policy issues. In R. Valencia (Ed.) *Chicano School Failure and Success*. New York: Falmer Press.
- Selvaratnam, D., Nor Aini & Norlaila. 2010. *Warga emas di Malaysia: ke arah kesejahteraan ekonomi dan sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Siti Salwani Azmi. 2009. Persepsi terhadap tingkah laku seks sebelum nikah di kalangan Mahasiswa Melayu, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sternberg, R. J. & Barnes, M. L. 1988. *The psychology of love*. New Haven & London: Yale University Press.
- UNFPA Resource Kit: World Population Day 2008.
- Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. 2002. Tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian anak dalam keluarga berisiko di luar bandar. Latihan Ilmiah, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Khadijah Alavi
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM, Bangi Selangor
Email: Khadijah@ukm.my